

09 JUL 2003

Multaqa-Keganasan (Bergambar)/I  
MULTAQA PERLU TANGANI ISU-ISU MENDESAK

Oleh: Rosyatimah Tukimin

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Para pemikir Islam digesa memberi tumpuan kepada isu-isu mendesak yang dihadapi negara-negara Islam daripada membangkitkan masalah remeh-temeh sepanjang tiga hari Multaqa Ulama Dunia mulai esok,

Ketua setiausaha Kementerian Wakaf Jordan Abdul Fattah Salah berharap multaqa yang menghimpunkan lebih 800 ulama dan pemikir Islam itu dapat mengetengahkan isu-isu penting untuk manfaat umah daripada berbincang isu-isu remeh-temeh.

"Kita tidak wajar membincangkan masalah kecil kerana ia tidak penting kepada pembangunan umat Islam. Kita mesti mencari jalan dan berkongsi maklumat ke arah pembangunan seperti di seesetengah negara Islam," katanya.

Beliau berkata umat Islam mesti menguasai pelbagai pengetahuan dan pengalaman bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dan mengelak daripada dikaitkan dengan aktiviti pengganas.

Abdul Fattah yang pertama kali datang ke negara ini, berkata tanpa kemahiran ini, umat Islam boleh terpengaruh untuk bertindak ganas.

"Apabila tidak cukup ilmu, mereka tidak dapat mendahului yang lain, golongan yang tidak berpengetahuan ini mudah merasa kecewa dan sedia melakukan apa sahaja untuk memuaskan hati," katanya kepada Bernama sehari sebelum multaqa itu yang berlangsung di Hotel Marriott Putrajaya di sini.

"Keganasan tidak ada kaitan dengan Islam atau mana-mana agama ... ia adalah tindakan individu. Lebih-lebih lagi, pengganas hari ini bukan sahaja terdiri daripada umat Islam.

"Ia turut membabitkan bangsa dan agama lain, tetapi mereka yang melakukan tindakan yang serupa tidak pernah dilayani seteruk umat Islam, seperti dilabelkan sebagai pengganas," katanya.

Abdul Fattah berkata bagi menjadi umah yang kuat mental dan fizikal untuk menghadapi musuh, umat Islam mesti mematuhi ajaran Islam sebenar.

"Islam tidak pernah mengajar umatnya meletupkan diri, membunuh orang lain atau memusnahkan bangunan. Kekuatan itu bagi memastikan mereka maju sebagai seorang individu dan sebuah negara, sekaligus digeruni pihak lain sehingga tidak ada yang berani menyerang mereka," kata Abdul Fattah.

Beliau berkata Islam tidak mengajar pengikutnya mengutuk atau membenci sesama mereka kerana perbuatan itu hanya memusnahkan rakyat dan negara.

Abdul Fattah yang akan membentangkan kertas kerja pada multaqa itu memuji usaha Kerajaan Malaysia menganjurkan persidangan itu kerana ia membolehkan ulama dan ahli pemikir Islam daripada pelbagai latar belakang menyuarakan padangan masing-masing.

"Ia merupakan usaha murni pertama seperti ini dan dilakukan tepat pada masanya berikutan pelbagai masalah yang menjejaskan umat Islam hari ini.

"Kita mungkin berbeza pendapat tetapi apa yang perlu dilakukan sekarang, kita duduk berbincang dan mencari isu-isu serupa yang boleh dikongsi dan dibincangkan dan menjadikannya sebagai asas untuk pembangunan," katanya.

Beliau kagum dengan pembangunan di Malaysia dan memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meletakkan Malaysia di tempat sekarang.

"Saya belum pernah menemui Dr Mahathir tetapi menerusi pembacaan dan maklumat yang dikumpul daripada Kementerian Luar dan kedutaan kami di sini (Kuala Lumpur), saya merasakan banyak yang telah dilakukan oleh Dr Mahathir, bukan sahaja memajukan rakyat dan negara malah memberi dorongan kepada umat Islam lain serta negara membangun," katanya.

-- BERNAMA  
RT AZZ AO LAT